

12 Oktober 2017

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Sime Darby Plantation Berhad – Kilang Kelapa Sawit Chaah dan ladang-ladang, Chaah, Johor, Malaysia.**

Sime Darby Plantation Berhad telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Chaah dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 3 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Chaah, Johor, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Kilang Kelapa Sawit Chaah pada 14-16 November 2017. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Chaah dan ladang-ladang</b>	
Nama unit pengurusan	Strategic Operating Unit (SOU 20) – Kilang Kelapa Sawit Chaah
Alamat lokasi	85400 Chaah, Johor, Malaysia
Ladang	Ladang Simpang Kiri, Ladang North Labis & Ladang Chaah
Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	8,736.34 ha
Standard yang digunakan	MS 2530-3:2013 & MS 2530-4:2013 boleh dibeli secara atas talian di ( <a href="http://www.msonline.gov.my/catalog.php">http://www.msonline.gov.my/catalog.php</a> )

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawai BSI adalah sebuah Badan Piawai Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Chaah dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Ketua Juruaudit (GHG, Alam Sekitar, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek undang-undang, Biodiversiti & Sosial) dan **Cik Elzy Okvtafia** sebagai Juruaudit (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian baik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Operasi**

En. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**

Puan Shylaja Devi Vasudevan Nair  
Head of Sustainability Unit  
PSQM Department  
Sime Darby Plantation Berhad  
No. 2, Plantation Tower, Jalan PJU 1A/7  
47301 Ara Damansara, Selangor, Malaysia  
Fax : +603-7848 4363  
Email : [shylaja.vasudevan@simedarby.com](mailto:shylaja.vasudevan@simedarby.com)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Operasi